

SULTAN Ibrahim melihat salah sebuah kereta klasik Morgan yang berwarna hijau limau.



SULTAN Ibrahim (kanan) mengaminkan doa selepas menyempurnakan majlis pelancaran logo Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di dasar laut Pulau Mensirip, Mersing, Johor.



SULTAN IBRAHIM (barisan belakang, tengah) menyantuni rakyat di Dataran Segamat, Johor.



*KOSMO*  
*MIS 22 & 23*

- Pahang
- Melaka
- Kuala Lumpur

**! Khabar Negeri**

# Tunku Ismail teruskan legasi KMJ

Sultan Ibrahim menyerahkan tanggungjawab mengetuai KMJ yang saban tahun dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat di negeri itu kepada Tunku Mahkota Johor.

**P**ELBAGAI catatan sejarah direkodkan sepanjang Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2017 yang berakhir pada pukul 4 petang, 12 September lalu.

Bagaimanapun, acara membacakan doa di dasar laut oleh satu-satunya kadi yang mempunyai lesen skuba di negara itu cukup menyentuh perasaan rakyat jelata.

Mula mendapat lesen menyelam sejak Mei lalu, **Kadi Daerah Mersing, Mohd. Zaini Mohd. Salleh** nyata teruja kerana dia tidak hanya berpeluang membacakan doa ketika menyelam tetapi lebih manis, ia dilakukan bersama Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Ia sempena majlis



MOHD. ZAINI

ANTARA lokasi yang dilalui di Mersing.



pelancaran logo Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang dilakukan di Pulau Mensirip, Mersing.

“Saya mula berlatih sejak Mei lalu bagi memastikan kelancaran bacaan doa semasa majlis berlangsung.

“Namun, saya akui terdapat perbezaan ketika membacakan doa di darat dan di dasar laut.

“Perbezaan utama ialah saya menggunakan alat pernafasan dan lidah ketika membaca doa di dalam laut,” katanya.

Selama empat hari, rombongan kerabat diraja Johor itu menjelajah kesemua 10 daerah yang membabitkan perjalanan sejauh 808 kilometer.

Menjadi rutin ikonik diraja Johor selama 16 tahun, KMJ merupakan acara tahunan yang sangat ditunggu-tunggu rakyat di selatan tanah air bagi mendekati dan bermesra bersama keluarga diraja yang sememangnya terkenal dengan kesantunan menjiwai rakyat jelata.

Merupakan satu cetusan idea Sultan Ibrahim sejak tahun 2001 tatkala baginda menjadi Tunku Mahkota Johor, KMJ menjadi buah tangan atau pendekatan untuk



**SULTAN ABU BAKAR** yang memerintah Johor sekitar tahun 1800-an juga melakukan kembara melalui jalan laut untuk menemui rakyat.

bertemu mata dengan rakyat jelata.

Titah Sultan Ibrahim, dengan menjelajah kesemua daerah di bawah jajahan itu, baginda bukan sahaja dapat bermesra dan berjumpa rakyat tetapi lebih bermakna apabila baginda serta Permaisuri Johor, Raja Zarifah Sofiah Sultan Idris Shah dan anakanda baginda dapat mendalami permasalahan rakyat.

Semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar pada zaman Kesultanan Johor Moden sekitar tahun 1885, baginda

merupakan seorang sultan yang suka mengembara ke seluruh tanah jajahan dengan menaiki kapal ke Endau, Mersing, Sungai Muar serta Batu Pahat.

Kini, Sultan Ibrahim meneruskan kesinambungan ciri-ciri ulung Kesultanan Johor Moden dengan menjadikan KMJ sebagai acara tahunan.

### Kelainan

KMJ 2017 merupakan penganjuran kali ke-20 bagi kembara tahunan yang adakalanya dilangsungkan lebih daripada sekali dalam setahun.

Sepanjang 16 tahun KMJ dianjurkan, baginda serta kerabat diraja Johor mengembara dengan menggunakan pelbagai jenis kenderaan antaranya motosikal berkuasa tinggi jenis Harley Davidson, bas Prevost Marathon serta trak Mack.

KMJ 2017 yang bermula pada 9 September lalu menampilkan kelainan dan meninggalkan kenangan manis apabila Sultan Ibrahim berkenan berangkat mengembara dengan memandu sendiri kereta klasik Morgan yang dicipta di Britain.



TUNKU TUN AMINAH dan suami, Dennis Muhammad Abdullah turut meluangkan masa permesra dan berjumpa rakyat.

ROYAL PRES JOHOR BARU **RENCANA UTAMA**

S.K.R. M.B.P.J.

**KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2017**

# LALUAN KMJ 2017

9 - 12 SEPTEMBER 2017 (SABTU - SELASA)

● KOTA TINGGI    ● KLUANG    ● SEGAMAT    ● MUAR    ● PONTIAN  
● JOHOR BAHRU (Pelepasan)    ● MERSING    ● BATU PAHAT    ● TANGKAK    ● BATU PAHAT    ● KULAI (Penutup)

● HARI PERTAMA    ● HARI KEDUA    ● HARI KETIGA    ● HARI KEEMPAT

**LALUAN kembara meliputi 10 daerah di negeri Johor.**

**INFO** Sultan Ibrahim

■ Diputerakan pada 22 November 1958

Catatan sejarah merekodkan, kereta klasik Morgan mula direka pada tahun 1909 oleh Morgan Motor Company Ltd., di Britain.

Sultan Ibrahim membeli 10 buah kereta vintaj itu khusus untuk KMJ 2017 bagi dinaiki oleh baginda dan kerabat diraja Johor.

Baginda sendiri memandu dua daripadanya yang berwarna perak dan hijau limau.

Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah memulakan KMJ di Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru seawal pukul 8 pagi.

Berangkat mengiringi baginda berdua ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che' Puan Khaleeda Bustamam.

Berangkat sama, Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar; Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah dan suami, Dennis Muhammad Abdullah; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Johor Bahru merupakan daerah permulaan KMJ sebelum rombongan keluarga diraja itu merentasi sembilan daerah lain iaitu Pasir Gudang, Kota Tinggi, Mersing, Kluang, Muar, Batu

Pahat, Tangkak, Pontian dan Kulai.

"Tahun ini saya berasa hairan apabila Raja Zarith Sofiah ikut saya sepanjang jalan. Saya suruh dia naik kereta lain (yang berbumbung), esok demam. Dia tidak mahu.

"Macam *dating* pula apabila berdua sahaja dalam kereta tapi dia tahan (ikut sepanjang program)," titah Sultan Ibrahim.

Dalam kenangan manis yang diukir pada kalendar KMJ 2017, terselit titah duka apabila Sultan Ibrahim bertitah, edisi kali ini mungkin yang terakhir buat baginda mengetuai rombongan terbabit.

Sultan Ibrahim bertitah, tanggungjawab mengetuai KMJ yang saban tahun dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat di negeri ini mahu diserahkan kepada Tunku Ismail.



SANIAH



ROSMAWATI

### Pengumuman

"Saya sudah didik beliau dan saya akan datang sebagai tamu (tetamu) sahaja. Kalau dijemput," titahnya ketika ditemui *Kosmo!* sebelum memulakan hari ketiga KMJ 2017.

Baginda bertitah sedemikian ketika ditemui di Kem Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) Simpang Renggam,

Kluang.

Sultan Ibrahim bertitah, baginda berhasrat membuat pengumuman berhubung penglibatannya yang terakhir dalam KMJ kepada rakyat jelata.

Meskipun hujan lebat dan panas melanda bumi Johor sepanjang KMJ berlangsung, ia bukan halangan buat rakyat untuk menanti penuh sabar rombongan ke lokasi masing-masing.

Seorang penerokawati Felcra Sungai Ara, Kota Tinggi, **Saniah Samaen**, 55, menyifatkan hujan adalah satu rahmat buat mereka untuk bertemu Sultan Johor.

"Saya sangat teruja untuk melihat lebih dekat Sultan Johor yang merupakan seorang raja prihatin dan berjiwa rakyat serta ahli keluarga Tuanku.

"Hujan pun hujanlah, asal kami dapat melihat dia (Sultan Ibrahim). Ini merupakan hujan rahmat," katanya.

Menurut seorang lagi penduduk Felcra yang sama, **Rosmawati Mohamad**, 51, apa yang menarik kali ini selain kereta klasik beroda tiga Morgan ialah melihat lebih dekat menantu baginda, Dennis Muhammad yang baru sahaja melangsungkan perkahwinan dengan Tunku Tun Aminah.

Pasangan pengantin diraja itu melangsungkan Istiadat Perkahwinan Diraja pada 14 Ogos lalu di Istana Besar dengan penuh gilang-gemilang.

di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor

■ Merupakan Sultan Johor kelima selepas menggantikan ayahanda baginda, Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail yang mangkat pada 22 Januari 2010

■ Sultan Johor ke-25 dan terkini serta merupakan Sultan Johor era moden kelima daripada Kerabat Temenggong

■ Baginda berkahwin dengan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah pada tahun 1982

■ Dikurniakan enam cahaya mata

■ Minat baginda yang suka mengembara dan konvoi menggunakan motosikal berkuasa tinggi Harley Davidson merupakan cetus idea untuk adakan KMJ

■ KMJ bertujuan mendekatkan hubungan keluarga diraja Johor dengan rakyat

# Kembara memodenkan institusi beraja

KEMBARA Mahkota Johor (KMJ) yang dianjurkan saban tahun sejak 2001 merupakan salah satu cara institusi diraja dan istana Johor untuk mendekati rakyat serta bangsa Johor.

**Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin** berkata, cara itu dilihat sebagai memecahkan tembok feodal dan memodenkan institusi beraja.

Katanya, rakyat di seluruh pelosok negeri akan disantuni oleh Tuanku sendiri sepanjang kembara



MOHAMED KHALED

itu.

"Melalui KMJ inilah tercetusnya pelbagai nasihat, teguran dan saranan yang baik serta bernas daripada Sultan Johor kepada pihak kerajaan negeri khususnya dalam menambah baik segala dasar dan agenda pembangunan Johor.

"Melalui kembara ini, istana dan raja yang menjadi payung kepada kita semua akan mencemar duli, berangkat berkunjung mendekati rakyat," katanya ketika berucap

pada majlis Pelepas KMJ edisi ke-20 di Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru baru-baru ini.

Mohamed Khalid berkata, selain itu, KMJ juga merupakan ikon menyatupadukan rakyat khususnya rakyat Johor.

"Kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain akan berkumpul di setiap perhentian untuk bertemu keluarga diraja Johor. Ia pasti dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain," katanya.

Selain itu, Mohamed Khalid memberitahu, permasalahan rakyat

turut dapat diamati apabila Tuanku berangkat ke kawasan pedalaman.

"Baginda akan bertanyakan khabar rakyat dan bantuan segera dihulurkan kepada mereka yang kurang bernasib baik terutamanya penduduk miskin, mualaf serta yatim piatu," katanya.

Mohamed Khalid, kawasan yang terlibat di sepanjang laluan KMJ juga mendapat manfaat pembangunan fizikal apabila jalan yang rosak diperbaiki atau diturap dengan jalan yang baharu selain memacu ekonomi setempat.